

Apabila bos membuli, wujudlah 'mafia korporat'

DALAM wacana integriti dan antirasuah, kita sering membayangkan 'mafia korporat' sebagai entiti besar yang terancang, berpengaruh dan beroperasi dalam bayang-bayang kuasa. Ia digambarkan sebagai rangkaian elit yang memanipulasi sistem, mengawal keputusan dan melindungi kepentingan mereka.

Namun hakikat yang lebih membimbangkan ialah mereka tidak wujud secara tiba-tiba. Mereka berkembang dan bermula dari perkara yang kita anggap kecil seperti buli di tempat kerja.

PEMBULI TIDAK HILANG MALAH NAIK PANGKAT

Pembuli tidak hilang selepas zaman sekolah. Mereka hanya menukar pakaian seragam.

Dahulu, mereka mungkin individu yang lantang dan menindas secara terbuka. Hari ini, mereka hadir dalam bentuk yang lebih halus berpakaian kemas, petah berbicara dan memegang jawatan penting dalam organisasi.

Mereka tidak lagi menolak seseorang secara fizikal sebaliknya, menolak keyakinan, memperlekeh potensi dan mengawal naratif melalui bahasa profesional seperti:

- "Prestasi tidak memuaskan"
- "Perlu penambahbaikan"
- "Tidak selaras dengan standard organisasi"


Namun di sebalik istilah ini, sering tersembunyi satu perkara iaitu penindasan yang dibungkus secara korporat.

Buli di tempat kerja jarang menjerit tetapi berbisik selain hadir dalam bentuk:

- Komen sinis dalam mesyuarat
- Maklum balas yang menjatuhkan, bukan membina
- Sikap mendiamkan diri ketika pekerja memerlukan sokongan
- Penolakan idea tanpa justifikasi
- Pengasingan sosial secara tersusun

Secara individu, ia kelihatan kecil tetapi seperti titisan air yang jatuh berulang kali ke atas batu, akhirnya memecahkan sesuatu yang lebih besar iaitu keyakinan diri manusia.

Kesannya, individu berbakat mula meragui diri sendiri, kreativiti mati sebelum sempat berkembang



'MAFIA korporat' terbentuk daripada budaya buli yang dibiarkan, sikap diam pekerja dan kegagalan kepimpinan menegakkan akauntabiliti.

dan pekerja memilih untuk diam, bukan kerana tiada idea tetapi kerana takut.

Jika hal ini berlaku bermakna organisasi mula kehilangan nilai sebenar iaitu suara jujur dan keberanian moral.

KEBENARAN YANG RAMAI TIDAK MAHU AKUI

Orang tidak meninggalkan pekerjaan tetapi mereka meninggalkan persekitaran.

Ini kerana persekitaran yang toksik adalah seperti bilik tanpa oksigen. Tidak kira sekuat mana pun seseorang itu, dia tidak akan mampu bertahan lama.

Lebih parah, apabila persekitaran ini dibiarkan, ia tidak sekadar merosakkan individu tetapi membentuk budaya organisasi yang rosak.

KEPIMPINAN: KUASA ATAU AMANAH?

Dalam konteks ini, persoalan utama ialah, apakah sebenarnya maksud kepimpinan?

Kepimpinan bukan tentang menjadi suara paling kuat dalam bilik mesyuarat tetapi tentang menjadi suara yang paling selamat.

Jawatan bukan sekadar simbol kuasa sebaliknya amanah untuk:

- Membina, bukan memusnahkan
- Membimbing, bukan memalukan
- Mengangkat, bukan mengawal

Pemimpin sebenar tidak bersinar dengan meredupkan orang lain. Mereka bersinar dengan membantu orang lain turut bersinar.

Sebelum 'mafia korporat', ada tanda-tanda kecil yang sering diabaikan:

- Kritikan terselindung: Maklum balas yang bersifat peribadi dan menjatuhkan
- Standard tidak adil: Kesilapan tertentu diperbesar, yang lain dimaafkan
- Intimidasi halus: Pekerja takut bersuara atau mencuba
- Pencurian kredit kerja: Usaha individu tidak diiktiraf
- Keletihan emosi: Letih bukan kerana kerja tetapi kerana manusia.

Jika hal ini berlaku, tidak boleh lagi dianggap isu kecil tetapi inilah benih kepada kerosakan sistemik.

DARI BUDAYA TAKUT KE 'MAFIA KORPORAT'

Apabila buli dibiarkan, tiga perubahan bahaya berlaku:

- **Diam menjadi strategi bertahan**
Pekerja berhenti bersuara, bukan kerana mereka tidak tahu apa yang salah tetapi kerana bercakap dianggap berisiko.
- **Diam menjadi strategi bertahan**
Di sinilah sistem tadbir urus gagal bukan pada dasar tetapi pada pelaksanaan.
- **Kuasa menjadi tidak terkawal.**
Pembuli yang tidak ditegur akan menjadi lebih berpengaruh. Mereka mula membina rangkaian dengan individu lain yang mendapat

manfaat daripada budaya tersebut.

Inilah permulaan 'rangkaiannya' yang tidak formal tetapi sangat berkuasa.

■ Etika menjadi boleh dirunding

Apa yang bermula sebagai buli berkembang menjadi manipulasi maklumat, penutupan kesalahan dan penyalahgunaan kuasa.

Pada tahap ini, organisasi bukan lagi sekadar bertolak ansur dengan salah laku tetapi mula melindunginya.

Di sinilah istilah 'korporat mafia' mula muncul tetapi ketika itu, kerosakan sudah terlalu dalam.

REALITI YANG TIDAK SELESA

'Mafia korporat' bukan punca tetapi hasil daripada toleransi terhadap buli, diamnya pekerja, kegagalan kepimpinan dan ketiadaan akauntabiliti.

Dalam konteks ini, usaha antirasuah tidak boleh hanya fokus kepada penipuan kewangan, rasuah berskala besar dan salah guna kuasa di peringkat tinggi, sebaliknya, mesti bermula dari peringkat mikro dengan melihat bagaimana pemimpin melayan pasukan. Adakah pekerja berasa selamat secara psikologi atau adakah perbezaan pandangan diri atau dihukum.

Ia juga perlu dilihat dari sudut sama ada akauntabiliti dilaksanakan secara adil atau kerana budaya tidak dibentuk

oleh polisi sebaliknya apa yang kita pilih untuk toleransi setiap hari.

FORMULA YANG PERLU DIFAHAMI

Dalam bahasa yang mudah:

- Abaikan buli menyebabkan ketakutan meningkat
- Ketakutan meningkat menyebabkan keheningan merebak
- Keheningan merebak menyebabkan salah laku berkembang
- Salah laku berkembang menyebabkan 'mafia korporat' terbentuk.

Ini bukan teori tetapi realiti yang berlaku dalam banyak organisasi secara senyap.

Jika kita benar-benar serius tentang integriti negara, maka perlu berhenti bertanya: "Siapa yang memegang kuasa di atas?" Sebaliknya, kita mesti mula bertanya: "Apakah tingkah laku yang kita benarkan di bawah?" Kerana di situlah akar masalah sebenar.

PUTUSKAN RANTAIAN INI SEKARANG

Malaysia tidak boleh hanya bergantung kepada undang-undang dan agensi penguatkuasaan semata-mata tetapi perjuangan melawan rasuah bermula dari budaya dan budaya bermula dari tingkah laku harian.

Setiap organisasi, pemimpin mahupun pekerja mempunyai peranan:

- Menolak buli dalam apa jua bentuk
 - Melindungi suara yang berani
 - Menegakkan akauntabiliti tanpa pilih kasih
 - Membina persekitaran yang selamat dan berintegriti
- Kerana gagal bertindak hari ini, kita sebenarnya sedang membina sistem yang akan melindungi pelaku salah laku esok.

'Mafia korporat' tidak muncul dalam satu malam tetapi dibina secara perlahan-lahan melalui diam, ketakutan dan toleransi. Dan akhirnya, menjadi terlalu kuat untuk dilawan.

Maka pilihan kita hari ini sangat jelas untuk bertindak sekarang atau menjadi rakan sejenayah secara tidak langsung.